



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

---

**SIARAN MEDIA**

---

---

**SAMBUATAN DAN KARNIVAL HARI PEKERJA 2026 ANJURAN KESUMA  
MELABUH TIRAI, LEBIH 30,000 PENGUNJUNG RAIH PELUANG DAN  
MANFAAT**

---

**KUALA LUMPUR, 4 Mei 2026** – Sambutan dan Karnival Hari Pekerja 2026 yang berlangsung dari 1 hingga 3 Mei di Unifi Arena, Bukit Jalil melabuhkan tirai dan berjaya menarik kehadiran lebih daripada **30,000 pengunjung** daripada pelbagai lapisan tenaga kerja dan modal insan negara. Sambutan ini dimulakan dengan Perhimpunan Mega Hari Pekerja pada 1 Mei yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan menghimpunkan lebih 15,000 orang pekerja merangkumi sektor awam, swasta dan kesatuan sekerja sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dan semangat solidariti dalam mengiktiraf sumbangan dan penghargaan kepada golongan pekerja sebagai tunjang pembangunan ekonomi Malaysia.

Sepanjang tiga hari penganjuran, Karnival Hari Pekerja 2026 bukan sahaja menjadi platform penghargaan kepada pekerja, malah berfungsi sebagai hab sehenti berimpak tinggi yang menghubungkan rakyat khususnya pencari kerja, majikan serta penyedia latihan dengan pelbagai peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran melalui program TVET dan latihan industri serta perkhidmatan kerajaan dalam satu ekosistem tenaga kerja yang menyeluruh menerusi penyertaan lebih 50 pempamer daripada jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta.

**MyFutureJobs Premium Carnival 2026** turut menjadi antara komponen utama karnival dengan menawarkan secara keseluruhan lebih **10,000 peluang pekerjaan** merangkumi pelbagai sektor strategik. Di Bukit Jalil, Karnival Kerjaya oleh MyFutureJobs PERKESO mencatatkan kehadiran seramai **2,177 peserta**, dengan **268 individu berjaya memperoleh peluang pekerjaan** melalui sesi padanan pekerjaan secara langsung (*walk-in interview*). Penyertaan 30 majikan yang menawarkan lebih 4,000 kekosongan jawatan dengan julat gaji sehingga RM16,000 memperkukuh akses kepada peluang pekerjaan berkualiti. Dalam masa yang sama, laluan pembangunan kemahiran turut diperkasa melalui program **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training –TVET*)**, manakala kemuncak sambutan pada 1 Mei turut menyaksikan penyampaian **14 kategori Anugerah Hari Pekerja 2026** sebagai penghargaan

kepada kecemerlangan pekerja, majikan, kesatuan sekerja, media dan kontinjen dalam pembangunan negara.

Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata Sambutan Hari Pekerja bukan sekadar satu acara tahunan, tetapi manifestasi penghargaan negara kepada setiap individu yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi. Kerajaan komited untuk memastikan setiap pekerja Malaysia, tanpa mengira sektor atau bentuk pekerjaan, terus dilindungi, diperkasa dan diberi peluang untuk berkembang dalam landskap ekonomi yang semakin dinamik dan mencabar.

Beliau turut menegaskan bahawa pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 serta usaha memperkukuh ekosistem latihan kemahiran dan TVET menerusi penubuhan Akademi Semikonduktor KESUMA, sebuah platform bekalan bakat berterusan dalam bidang reka bentuk cip dan pembuatan AI, sejajar dengan penetapan dan hala tuju Malaysia sebagai Negara Kecerdasan Buatan atau Negara AI, sebagai langkah strategik Kerajaan dalam memastikan tenaga kerja negara kekal berdaya saing dan inklusif.

Dalam masa yang sama, Pavilion KESUMA menjadi antara tarikan utama dengan menampilkan inovasi "**Digital Integration Tunnel**", sebuah pengalaman imersif berteknologi tinggi yang menggabungkan paparan LED digital interaktif yang menampilkan penyertaan aktif 14 jabatan dan agensi di bawah KESUMA yang telah memperkukuh lagi penyampaian perkhidmatan secara terus kepada rakyat, meliputi aspek perlindungan sosial, latihan kemahiran, kebolehpekerjaan dan keselamatan pekerjaan. Selain itu, inovasi tersebut membawa pengunjung menyusuri setiap fasa dalam alam pekerjaan daripada pencarian kerjaya, peningkatan kemahiran, kemajuan kerjaya hingga kepada perlindungan sosial dan kesejahteraan hidup. Pendekatan ini membolehkan pengunjung mendapatkan maklumat secara serta-merta dan mudah diakses melalui kandungan digital yang interaktif, sekali gus mentransformasikan penyampaian maklumat kerajaan kepada yang lebih moden, responsif dan berimpak tinggi.

Pelbagai aktiviti informatif turut dianjurkan sepanjang karnival termasuk sesi wacana ilmu atau *pocket talk* berkaitan peluang kerjaya, peningkatan kemahiran serta kesedaran dunia pekerjaan. Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sedunia (World OSH Day) turut diadakan pada 3 Mei bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, selari dengan usaha memperkukuh kesejahteraan pekerja secara holistik.

Karnival ini turut dimeriahkan dengan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti mesra rakyat termasuk pendaftaran Kad Pekerja MADANI, pemeriksaan kesihatan seperti saringan payudara dan prostat, ujian audiometrik, pemeriksaan pergigian, derma darah serta kemudahan pengemaskinian dokumen pengenalan diri. Selain itu, Jualan Rahmah dan Agro MADANI turut mendapat sambutan menggalakkan sebagai usaha membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Selain karnival utama, Sambutan Hari Pekerja 2026 turut diperkukuh dengan penganjuran KESUMA Merdeka 118 Vertical Challenge 2026 pada 2 Mei, sebagai tanda penghargaan kepada golongan pekerja. Acara larian menara ikonik di Merdeka 118 ini, hasil kerjasama JKKP dan Kelab Kebajikan dan Sukan KESUMA, menarik penyertaan sekitar 2,500 peserta daripada pelbagai sektor termasuk peserta antarabangsa sekali gus memupuk semangat daya tahan fizikal dan mental dalam kalangan pekerja.

Secara keseluruhannya, Karnival Hari Pekerja 2026 berjaya mencapai objektifnya dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-industry* dalam membina ekosistem tenaga kerja yang mampan, responsif dan berdaya tahan serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pelbagai inisiatif tenaga kerja serta memastikan setiap individu mendapat akses kepada peluang, perlindungan dan sokongan yang diperlukan dalam landskap pekerjaan yang semakin dinamik. Sambutan ini memperkukuh aspirasi “*Pekerja MADANI Kesuma Bangsa*”, yang menegaskan bahawa pekerja merupakan aset paling berharga dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan negara.

KESUMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan strategik, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta yang telah mengambil bahagian dan menjayakan penganjuran karnival ini. Kunci kejayaan penganjuran sambutan berimpak tinggi kepada rakyat ini adalah atas kerjasama erat semua pihak dan KESUMA akan terus mempergiat usaha memperkukuh dasar dan inisiatif berkaitan tenaga kerja, dengan fokus kepada peningkatan kemahiran, peluasan perlindungan sosial serta penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

## **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**4 MEI 2026**

**LAMPIRAN****LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

**PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA**

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

**JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA**

<b>JABATAN</b>	<b>AGENSI</b>
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak